

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(KULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pelantikan Nik Faisal Ariff Kamil dan Datuk Suboh Md Yassin sebagai pengarah SRC International Sdn. Bhd. akan dibatalkan sebab mereka enggan bekerjasama dengan siasatan SPRM.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pihak pengurusan SRC International Sdn Bhd (SRC), Encik Nik Faisal Ariff Kamil dan YBhg. Datuk Suboh Md Yassin sedang membuat perancangan untuk ditemu ramah oleh SPRM dalam masa terdekat bagi membantu siasatan SPRM. Justeru itu, persoalan mengenai

kedudukan mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah SRC adalah tidak timbul sama sekali.